

B640
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MENGGESA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU SUPAYA MENJADI DAYA PENGGERAK BAGI PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG AKTIF DAN BERKESAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN.

UNTUK ITU KATANYA, DEWAN TERSEBUT HENDAKLAH MENKAJI SEMULA STRUKTUR, PENTADBIRAN DAN MATLAMATNYA.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU, MALAYSIA DI SINI BELIAU BERKATA, BELIAU TIDAK MAHU MELIHAT DEWAN ITU MENJADI SEBAGAI SATU +PRESSURE GROUP+ SAJA.

BELIAU JUGA MENYERU DEWAN ITU MEMAINKAN PERANAN LEBIH DINAMIK, MENIMBANGKAN KEMUNGKINAN MEMULAKAN PROJEK PERINDASTERIAN SENDIRI, MENYERTAI PERINDASTERIAN MELAYU PEMBELIAN SAHAM DAN MENUBUHKAN RANGKAIAN PENGEDARAN SENDIRI SEBAGAI SUMBANGAN KEARAH MENCAPAI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.--BERSAMBUNG 2242/BY

22

B641

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TAMBAHNYA, DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, KERAJAAN AKAN TERUS MEMPERGIATKAN LAGI USAHA UNTUK MENAMBAHKAN PENGLIBATAN BUMIPUTRA DI DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN.

KATANYA, LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN PERSEKUTUAN (FINA) AKAN MEMPERGIATKAN USAHA-USAHANYA UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI LAGI USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA MEMILIH PROJEK-PROJEK PERINDASTRIAN YANG DIANGGAP +VIABLE+ DIDIRIKAN DI NEGARA INI.

BELIAU JUGA BERKATA PERUNTUKAN YANG BANYAK BAGI BUMIPUTRA TIDAK BERERTI BAHAWA MASALAH PEMBELIAN SAHAM-SAHAM UNTUK BUMIPUTRA TELAH SELESAI.

BELIAU MENYERU KUMPULAN-KUMPULAN MELAYU DAN BUMIPUTRA MENGUMPULKAN SUMBER-SUMBER KEWANGAN UNTUK MEMBELI SAHAM-SAHAM YANG TELAH DIKHASKAN KEPADA MEREKA AGAR TANGGUNG JAWAB UNTUK MENINGGIKAN PEMILIKAN EQUITI BUMIPUTRA DIDALAM PROJEK-PROJEK PERINDASTRIAN TIDAK DI BEBANKAN KEPADA KERAJAAN SAHAJA.

BELIAU BERHARAP SYOR MENUBUHKAN YUNIT TRUST AKAN DIBERI KAJIAN OLEH DEWAN ITU.--BERSAMBUNG 2310/BY

B642

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI SYARIKAT ALI BABA, BELIAU BERKATA IANYA BUKANLAH BURUK, TETAPI YANG TIDAK BAIK IALAH KERANA ALI TIDUR DAN BABA SAJA YANG BEKERJA.

"DENGAN INI SELAIN DARI BABA MENDAPAT NIKMAT YANG JAUH LEBIH BANYAK, ALI PULA TIDAK ADA KEBEBASAN DAN MENJADI ALAT SEMATA-MATA," KATANYA.

"SYARIKAT ALI BABA TIDAK PAYAH DI HAPUSKAN. YANG PENTING IALAH ALI BETUL-BETUL MEMAINKAN PERANANNYA," TAMBAHNYA LAGI.--BERNAMA HM 2340